

BAB 3

BAB 3. UNSUR ALAM DALAM TAMADUN JEPUN

3.1 Pengenalan

Apabila kita melihat kepada unsur alam dalam pembentukan tamadun Jepun, ia pasti tidak dapat lari dari mengaitkannya dengan cerita-cerita dongeng yang secara tidak langsung telah memasukkan unsur-unsur ini. Komponen alam sekitar seperti matahari, bulan, awan, angin, ribut, bukit-bukau dan lain-lain lagi adalah merupakan instrumen yang penting dalam aspek ini. Ia telah diadun dalam cerita dongeng ini dan telah menjadi nadi tamadun Jepun hari ini sebagaimana yang dinyatakan dalam karya *Kojiki* dan *Nihon Shoki*.



Peta Negara Jepun.

(sumber: Lutz Walter, Japan: A Cartographic Vision, European Printed Maps of Japan from the early 16th to the 19th Century, Tokyo: Kansai University Press. 1999), hal. 3.

Adalah dikatakan bahawa apabila langit dan bumi mula wujud, beberapa orang dewa telah pun terjadi di “Dataran Kayangan Tinggi”. Di kalangan mereka terdapat seorang dewa bernama Izanagi dan seorang dewi bernama Izanami. Mereka berdua inilah yang telah melahirkan pulau-pulau negeri Jepun. Apabila Izanami meninggal dunia, Izanagi dengan sendirinya telah melahirkan anak dengan cara yang amat pelik sekali. Iaitu ketika membasuh matanya lahirlah tiga dewa iaitu dewa ribut, dewi matahari dan dewi bulan⁴⁹. Dewa matahari adalah Amateresu Omikami. Saudara lelakinya iaitu dewa ribut ialah Susanowono-Mikoto adalah seoarang yang bengis. Izanagi melantik anak perempuannya iaitu Amateresu menjadi raja di “Dataran Kayangan Tinggi” dan anak lelakinya iaitu Susanowono-Mikoto diberi kuasa ke atas “Dataran Laut”;,. Tetapi Susanowono-Mikoto enggan menurut perintah itu lalu melakukan beberapa perbuatan salah terhadap Amateresu seperti merosakkan batas-batas padi saudaranya itu. Amateresu menjadi takut lalu menyembunyikan dirinya di dalam sebuah gua. Dunia pun menjadi gelap pada masa itu kerana dewi matahari telah bersembunyi. Para dewa kayangan pun berkumpul di hadapan gua itu, mereka mendirikan sebatang pohon suci. Mereka letakkan sebiji permata di atas pokok tersebut dan mengantungkan sebuah cermin pada pokok tersebut. Kemudian seorang dewi telah menarikan sebuah tarian lucah yang menyebabkan semua penontonnya ketawa berdekah-dekah. Keriuhan itu menimbulkan rasa ingin tahu di hati Amateresu lalu beliau pun mengintai keluar, dia ternampak bayangnya dalam cermin tersebut dan ini menyebabkan ia keluar lebih jauh lagi. Lalu

⁴⁹ Richard Storry, *Sejarah Jepun Modern*, (Kuala Lumpur, Malaysia : Dewan Bahasa dan pustaka, 1982) hal 3.

salah seorang daripada dewa itu pun menhalangnya daripada masuk semula ke dalam gua. Maka dengan itu cahaya pun menerangi alam ini semula.

Sebagai hukuman kepada sandara Amateresu yang telah melakukan masalah itu, ia telah diusir keluar oleh para dewa kayangan. Ia turun di wilayah Izumo di bahagian barat negeri Jepun. Sesudah mengembara beberapa lama⁵⁰, dia telah menjadi bapa kepada ramai dewa dan dewi. Susanowono akhirnya turun ke tanah gelap. Di dalam pengembaraannya dia telah berjumpa dengan seekor raksasa dan telah membunuhnya. Beliau telah mengambil pedang yang terdapat di salah satu daripada lapan ekor raksasa itu. Pedang itu telah dihadiahkan kepada Amateresu. Pedang ini bersama permata dan cermin tersebut di atas adalah merupakan sebahagian daripada alat kebesaran kerajaan Jepun⁵¹.

Apakah yang dapat dipelajari daripada cerita dongeng ini ? Perlambangan yang dibayangkan oleh cerita mengenai hubungan dewa ribut iaitu Susanowono dengan dewi matahari iaitu Amateresu adalah jelas sekali. Begitu juga cerita tentang pelarian dewi Amateresu ke dalam gua dan bagaimana ia dikeluarkan. Di sini kita dapati bahawa terdapat pertentangan antara matahari dengan ribut, ribut memecahkan batas-batas sawah padi, apabila ribut kelihatan maka matahari pun mengundur diri, dan musim dingin pun tiba. Dan kemudian upacara-upacara ritual pun diadakan untuk memuja semula semangat matahari agar kembali menerangi kehidupan dan keperluannya untuk pertanian.

⁵⁰Lutz Walter, Japan: *A Cartographic Vision, European Printed Maps of Japan from the early 16th to the 19th Century*, (Tokyo: Kansai University Press. 1999), hal. 11.

⁵¹ Richard Storry, *op. cit.*, hal 4-5.

Maka di sini dan daripada kisah ini jelas memperlihatkan kepada kita betapa kebergantungannya dan perkaitannya dengan alam semulajadi. Dewi matahari, dewa ribut, batas-batas sawah, dan sebagainya adalah merupakan aspek alam sekitar yang telah memainkan peranan dalam pembentukan tamadun Jepun hari ini. Negara yang berorientasikan empat musim, ribut dan fenomena alam lainnya, matsuri atau perayaan yang diadakan seperti Hina Matsuri⁵², Tango-No-Sekku⁵³ dan Hanami⁵⁴ adalah antara unsur alam yang didapati menjadi intipati tamadun Jepun hari ini.

3.2 Negara Kepulauan

Jepun adalah negara kepulauan yang berbentuk garis melengkung yang terbentang dari Timur Laut ke Barat Daya di lautan timur benua Asia. Luas wilayahnya ialah 370,000 km², iaitu lebih kurang 1/27 wilayah negara China. Hingga ke hari ini Jepun merupakan sebuah negara yang terletak di kawasan Linkungan Api Pasifik yang sering dilanda oleh letusan gunung berapi dan kejadian gempa bumi yang kuat, yang mana ia hanya telah berlaku sejak zaman paleolitik lagi hingga sekarang. Pada zaman dahulu Jepun terletak di bawah aras laut, sebahagian besar kawasan Jepun baru muncul akibat

⁵² Hina Matsuri adalah perayaan anak patung yang merupakan perayaan untuk para gadis iaitu anak patung yang menggambarkan kehidupan istana dimainkan oleh anak-anak gadis.

⁵³ Tango-No-Sekku adalah perayaan yang disambut pada 5 Mei setiap tahun. Mengikut tradisi keluarga Jepun, ia untuk meraikan budak lelaki iaitu dengan memasang peragaan anak patung samurai memakai senjata dan baju besi di dalam rumah dan mengibarkan ular yang mewakili ikan kap di luar rumah.


⁵⁴ Hanami adalah perayaan bunga ceri yang gugur. Bunga ceri biasa disebut dalam puisi haiku dan waka. Masyarakat Jepun menganggap bunga ceri yang gugur, bertaburan dan akhirnya hilang di kemuncak keindahan dan kegemilangan diibaratkan sebagai saat-saat di akhir hayat seorang samurai dan disanjung sebagai melambangkan semangat Jepun.

daripada pembentukan gunung-ganang pada masa itu. Kemudian sering berlaku perubahan tanah dan air masin di kawasan ini, hingga suatu masa pernah ia menjadi kawasan kering yang bercantum dengan Korea dan China. Penemuan fosil-fosil gajah di beberapa tempat di Jepun⁵⁵ menunjukkan bahawa haiwan-haiwan tersebut datang dari arah Barat Daya iaitu tanah besar Asia. Setelah berakhirnya zaman air batu maka terbentuklah Selat Korea dan Teluk Tsugaru⁵⁶. Fenomena ini telah menyebabkan terpisahnya Jepun dengan semenanjung Korea dan tanah besar China serta kepulauan Jepun sendiri telah terpisah antara satu sama lain. Pada zaman ini juga lautan masuk atau pelabuhan agak jauh kedalam, kemudian ia berubah secara perlahan-lahan hingga akhirnya meninggalkan kawasan dataran yang luas sepanjang pantai hingga ke hari ini⁵⁷.

⁵⁵ Mochtar Lubis, *Japanese History of Taro Sakamoto*, (Gajah Mada, Jakarta : Gajah Mada University Press, 1971) hal 1-2.

⁵⁶ Mochtar Lubis, *op. cit.*, hal 2

⁵⁷ Mochtar Lubis, *op. cit.*, hal 2.



Peta menunjukkan keadaan kelautan di Jepun.
 (sumber: Artikel *Gendai Nippon no Koporeto Gabanansu* (Corporate Governance in Contemporary Japan), ditulis oleh Inagami Takeshi. Tokyo: Toyo Keizai Shinposha, 2000), hal. 49.

Hasil daripada pergeseran dan pergerakan bumi yang berlaku berjuta-juta tahun dahulu telah melahirkan geografi yang agak rumit di Jepun. Jepun terdiri dari serangkai pulau. Daerah pedalamannya terdiri daripada gunung-ganang dan kawasan lembah. Manakala kawasan pantai terdiri daripada tebing-tebing tinggi dan kawasan teluk. Di bahagian tengah pulau Honshu terdapat pergunungan dengan puncaknya setinggi 3,000 meter serta gunung-gunung berapi yang masih lagi aktif⁵⁸. Di bahagian hulunya pula, sungai-sungai telah membentuk lembah yang dalam dan meninggalkan timbunan pasir sepanjang alirannya ke laut. Paras airnya berubah-ubah mengikut musim dan sering terjadi banjir.

⁵⁸ Laporan akhbar, Mr. A. Oike, *ENVIRONMENT & TERRORISM TOP JAPAN-PACIFIC* . (Tokyo: Ministry of Defend, 4 November 2002), hal. 2.

Jepun sebenarnya tidak memiliki dataran-dataran yang luas. Ini berpunca daripada gunung-ganang yang banyak dan telah membentuk kawasan dataran yang sempit. Kawasan pantai yang berlekuk-lekuk serta banyaknya pelabuhan yang aman telah mengurangkan halangan komunikasi yang terjadi kerana geografi. Hubungan maritim di laut dalam lautan di sekitar Jepun juga telah memainkan peranan dalam pembentukan tamadun Jepun.

Dari sudut iklim, Jepun tergolong daripada kalangan negara yang mempunyai empat musim. Kadang-kadang terdapat perbezaan musim antara daerah-daerah kerana panjangnya negara ini dari Utara ke Selatan. Pergunungan yang panjang di bahagian tengah kepulauan ini telah membentuk dua bahagian yang amat berbeza iaitu bahagian lautan Pasifik dan Lautan Jepun terutamanya dari segi aliran angin. Tetapi secara umumnya perbezaan antara kedua-dua bahagian ini sangat jelas dan agak rata sepanjang tahun. Musim seperti ini sebenarnya menyuburkan tanaman dan mempertingkatkan hasil pertanian termasuklah juga memperindahkan lagi pemandangan negara Jepun dan masyarakatnya yang tinggal di dalamnya. Lebih dari itu, kerana iklim yang tidak terlalu ganas, cukup menguntungkan, kecuali angin taufan yang kadang-kadang melanda di akhir musim panas dan permulaan musim gugur telah merasakan manusia terlalu dekat dengan alam sekitar serta melahirkan satu bangsa yang amat menyintai alam sekitar dan berharmoni dengannya⁵⁹.

⁵⁹Laporan akhbar , Putera Takamado, *Global Forum for Sport and Environment, Tokyo - IOC's World Conference on Sport and Environment*, (Nagano: United Nations Environment Programme (UNEP) and the Global Sports Alliance (GSA), Japan 1-4 November 2001), hal. 1.

Kepulauan Jepun terdiri dari empat gugusan pulau yang besar iaitu Honshu, Kyushu, Shikoku dan Hokkaido serta kepulauan-kepulauan kecil yang lain. Honshu merupakan pulau terbesar serta menjadi tempat tinggal 4/5 daripada penduduk Jepun pada hari ini⁶⁰. Beberapa buah bandar besar Jepun hari seperti Tokyo, Osaka, Kyoto, Nagoya, Yokohama dan lain-lain terletak di pulau ini.

Empat per lima kawasan Jepun diliputi oleh pergunungan dan seperlima oleh tanah dataran. Antara dataran-dataran lanarnya yang terbesar ialah Kanto yang terletak di Teluk Tokyo, Kinai terletak di Teluk Osaka dan dataran ketiga yang terletak di teluk Ise. Ketiga-tiga teluk ini mempunyai penduduk yang amat padat. Dataran ini merupakan kawasan yang penting kerana merupakan kawasan pengeluaran makanan, sumber-sumber kekayaan negara, pusat pemerintahan dan kawasan awal penempatan di Jepun⁶¹. Oleh itu, kawasan-kawasan dataran ini juga telah menjadi punca perselisihan dan persaingan di kalangan tuan-tuan tanah dan keluarga-keluarga feudal.

Begitulah tentang Jepun sebagai negara kepulauan yang sebenarnya telah menjadi intipati dalam pembentukan tamadun Jepun yang hebat dan gagah pada hari ini. Ia juga secara tidak langsung telah membentuk masyarakat Jepun yang mempunyai wawasan jauh, sentiasa memandang ke hadapan, berfikiran optimis dan suka merebut peluang yang ada dengan sebaik mungkin. Masyarakat Jepun juga suka menyendiri dan hidup terpisah-pisah sesuai dengan keadaan geografi mereka yang terpisah antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Mereka juga berkecenderungan untuk membentuk sistem


⁶⁰ M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, (Kuala Lumpur: Arena Buku Sdn. Bhd., 1998), hal. 1.

⁶¹ M. Rajendran, *op. cit.*, hal. 1.

pemerintahan yang kecil dan bersifat kedaerahannya sesuai dengan pembahagian yang berlaku hasil kerja tuhan ini.

Jepun juga mempunyai sumber perikanan yang banyak. Perikanan menjadi salah satu antara industri terpenting di Jepun. Mereka menjadikan perikanan sebagai satu industri yang besar dan hebat. Bermula pada zaman Yayoi mereka hanya menggunakan sampan dan kolek tetapi dewasa ini mereka bukan sahaja menggunakan bot malahan kapal-kapal yang sangat besar dan hebat. Kapal laut dalam mereka, mampu untuk berada di lautan lebih daripada 3 bulan. Ikan yang ditangkap oleh mereka bukan sahaja boleh dibekukan malahan ianya boleh terus ditinkan di dalam kapal yang memang mempunyai kemudahan seperti sebuah kilang.⁶² Ini menunjukkan bahawa masyarakat Jepun telah menyesuaikan diri mereka dengan laut dan menjadi gagah di lautan luas, kerana kehidupan mereka yang dibentuk oleh “kepulauan”.

⁶² Temuramah, Azhar Mad Aros, Pensyarah Sejarah Jepun: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 20/06/2003 jam 11.30 pagi.)



Antara ikan yang terdapat di Jepun.

(sumber: Artikel Peter Hill bertajuk: ***Burst Bubble and Botaiho*** . daripada Japan Social Science Journal: 1998), hal. 1.

3.3 Pokok-Pokok Dan Tanaman

Jepun kaya dengan pokok-pokok dan tanaman. Pokok pine adalah antara pokok yang paling banyak terdapat di Jepun. Atas bantuan proses alam semulajadi juga telah menyumbang kepada kesuburan muka Jepun, iaitu dengan fenomena kejadian gunung berapi. Letusan gunung berapi telah menghasilkan larva yang secara tidak langsung telah menjadi baja dan menyuburkan bumi Jepun.



Jepun mempunyai pokok buluh yang banyak dan menjadi antara eksport penting Jepun
(sumber: www.japanphotogallery.jpg.com/shimabaru>.)

Satu lagi pokok yang banyak terdapat di negara Jepun ialah pokok buluh yang sebenarnya merupakan antara pokok suci masyarakat Jepun. Lebih 50% daripada pokok-pokok liar yang terdapat di Jepun adalah pokok buluh. Ianya merupakan sumber utama dalam pembuatan alat-alat perabot, layang-layang dan lain-lain lagi. Melalui pokok buluh juga mereka berjaya menghasilkan pelbagai bahan yang bermutu terutama yang diperlukan dalam menjalani kehidupan seharian. Contohnya mereka menghasilkan bekas makanan yang dikenali sebagai “bento”, chopstick, saluran air di taman-taman mini Jepun, tikar buluh dan lain-lain lagi. Mereka berjaya menggunakan unsur alam ini dengan sebaik mungkin dalam memudahkan urusan kehidupan mereka.



Bekas makanan tengahari yang juga dikenali sebagai Bento amat popular bagi masyarakat Jepun.

(sumber: www.japanlifestyle.jpg.com)

Bentuk muka bumi Jepun juga tidak dapat menafikan daripada kewujudan sebuah masyarakat yang berpusatkan kepada pertanian atau penanaman padi. Ini dibantu pula oleh perusahaan utama tradisional Jepun iaitu penanaman padi. Penanaman padi memerlukan kepada nilai-nilai murni seperti gotong-royong, berkumpulan, bekerjasama dan lain-lain lagi. Oleh sebab masyarakat tradisional ini dicirikan oleh konsep kebergantungan yang kuat kepada kelompok atau kumpulan, maka setiap rakyat Jepun amat mengambil berat tentang nama baik mereka dalam kelompok itu. Alam sekitar Jepun juga tidak dapat meninggalkan konsep pertanian. Semenjak zaman Yayoi lagi

pertanian yang asas iaitu penanaman padi telah wujud. Ia dijalankan secara primitif dan tidak ada sebarang hubungan perdagangan dengan orang luar. Padi merupakan tanaman utama masyarakat Jepun lagi bermula zaman Yayoi hingga zaman Heian dan dipermodenkan lagi pada zaman moden ini dengan penggunaan pelbagai jentera dan alatan yang canggih. Selain itu terdapat juga tanaman lain seperti teh, kapas, barli dan sebagainya. Aktiviti pertanian ini juga banyak bergantung kepada tanah yang telah membawa kepada kemunculan golongan Shoen⁶³ yang telah berjaya menarik para petani berlindung di bawah mereka.

⁶³ Shoen adalah kumpulan Tuan Tanah yang berkuasa pada zaman Yayoi yang telah membawa kepada ketegangan hubungan antara masyarakat dan berlakunya perpecahan.



Bonsai yang diberi nama Hamanasu antara bonsai tercantik di Jepun.
(sumber: www.japangallery.com.jpg)

Bagi orang Jepun menerima dan malahan mengakui hakikat bahawa adanya pandangan susila bangsa dunia yang berbaza-beza itu, bukanlah suatu hal yang luar biasa. Sikap seperti ini, sebahagiannya adalah dipengaruhi oleh kecenderungan masyarakat Jepun tradisional dan tidak mempunyai gagasan mutlak sesuatu yang betul atau salah. Walau bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan bahawa untuk menerima pandangan tatasusila yang berbaza itu, adalah amat sukar bagi mana-mana bangsa pun. Orang Eropah misalnya, dapat menerima konsep beragama hanya selepas beratus-ratus tahun mengalami perang agama sesama sendiri. Di negara "pulau" ini ia mewarisi begitu

banyak perkongsian maklumat umum, pengiktirafan terhadap keanekaan tatasusila mungkin memakan masa yang lama. Walau bagaimanapun, kejayaan Jepun dalam konsep pengantarabangsaannya sangat bergantung kepada kejayannya untuk mengiktiraf dan memahami beraneka jenis nilai tamadun negara-negara dunia yang lain.

Seperkara lagi yang seharusnya dilihat oleh kita semua ialah tentang seni bonsai. Ianya adalah merupakan satu kejayaan masyarakat Jepun mengecilkan sesuatu yang besar. Walaupun ianya diinterpretasikan ke atas pokok tetapi tetapi ia telah membentuk satu nilai yang istimewa dalam masyarakat Jepun. Hasil daripada kekangan alam sekitar yang amat meruncing mereka sering mengalami masalah bencana alam, pokok-pokok besar menjadi satu ancaman kerana ia seringkali tumbang dan memusnahkan mereka. Oleh itu mereka pun mencari satu kaedah yang mana pokok tersebut tidak lagi menjadi ancaman tetapi sebaliknya sesuatu yang indah dan disayangi pula. Satu sebab lagi ialah mereka begitu menghargai alam sekitar yang bolehlah dianggap sebagai sebahagian daripada kehidupan . Oleh itu mereka akan cuba untuk mengadaptasikan dan menghayati keindahan alam sekitar ini dengan sebaik mungkin. Natijahnya kita dapat lihat pada hari ini masyarakat Jepun berjaya mengecilkan apa yang dibuat oleh barat atau meminiaturkan sesuatu yang besar menjadi kecil. Contohnya apabila barat mencipta komputer sebesar bilik, mereka cipta komputer sebesar meja, apabila barat cipta komputer sebesar televisyen mereka cipta komputer bimbit dan begitulah seterusnya. Mereka menjadi masyarakat yang sentiasa terkehadapan kerana mempunyai satu nilai yang memang amat diperlukan pada masa ini.



Ini adalah salah satu pokok bangsai yang menang dalam pertandingan bongsai antarabangsa pada 2002.

(sumber: www.japan-gallery.jpg.com)

3.4 Fenomena Alam

Kejadian alam atau disebut juga sebagai malapetaka yang berlaku secara semulajadi adalah sesuatu yang lumrah bagi masyarakat Jepun. Kejadian gempa bumi, banjir kilat, letusan gunung-berapi, kemarau, ribut taufan dan sebagainya adalah sesuatu yang telah dan akan berlaku di Jepun. Tetapi masyarakat ini tidak pernah menganggap

semua ini sebagai halangan tetapi menjadikannya sebagai senjata yang mampu memenangkan mereka apabila berhadapan dengan musuh.



Peta menunjukkan kawasan utama yang masih mempunyai gunung berapi dan sering mengahantui penduduk Jepun.
(sumber: www.japan_atlas.jpg.com)

Fikirkanlah sejenak tentang kerosakan yang boleh berlaku dalam masyarakat moden hari ini. Pertama ialah kerosakan langsung yang disebabkan oleh bencana itu

sendiri, apabila taufan atau gempa bumi memusnahkan sesebuah rumah atau bangunan. Ia begitu menggerunkan, terutamanya dengan kepentasan ia berlaku. Dengan adanya senibina yang teguh pada hari ini, kerugian seperti ini kurang daripada apa yang dijangkakan. Jepun mempunyai kod pembangunan dan undang-undang perancangan bandar yang paling tegas di dunia⁶⁴, kadangkala begitu tegas hingga menghalang penerimaan teknologi baru.



Antara gunung berapi yang masih aktif di jepun pada hari ini.
(sumber: www.japan_photo.com.jpg)

Berikutnya ialah kerosakan peringkat kedua. Hal ini lebih jelas terutama apabila berlakunya gempa bumi ia pasti akan membawa kepada kebakaran secara besar-besaran.

⁶⁴ Gen Itagaki, *Konsep Furusato*. (Kementerian Hal Ehwal Luar Jepun, 1984), hal. 10.


Dalam peristiwa gempa bumi pada tahun 1923 di Kanto contohnya, kebanyakan kemusnahan adalah disebabkan oleh kebakaran yang berlaku selepas kejadian gempa bumi itu.

Walaupun Jepun tidak lagi mempunyai banyak rumah yang dibuat daripada papan, tetapi sistem pendawaian elektrik boleh menyumbang kepada kemusnahan yang besar daripada kebakaran yang berlaku. Pelbagai langkah pencegahan telah diambil daripada zaman Tokugawa lagi hingga ke hari ini. Di Tokyo contohnya, purata kejadian gempa bumi yang utama direkodkan ialah antara 60 hingga 100 kali setahun. Oleh sebab kini sudah berlaku lebih daripada 70 tahun kejadian gempa bumi di Kanto. Masih banyak yang perlu kita lakukan sebagai persediaan untuk menghadapi kerosakan peringkat kedua iaitu kebakaran.

Sambil kota-kota kian berkembang dan dipenuhi dengan bangunan-bangunan moden serta pelbagai kemudahan, bagaimanapun masih ada masalah peringkat yang ketiga iaitu kerosakan jangka panjang yang terjadi apabila bencana berlaku seperti gangguan perkhidmatan air, gas, elektrik, pengangkutan, perkhidmatan bekalan dan lain-lain lagi. Contohnya jika berlaku gempa bumi, tembok-tembok yang runtuh dan bangunan yang musnah akan menyebabkan banjir kerana saliran paip terganggu, saluran gas bocor atau terbakar, tiang-tiang lektrik tumbang, talian telefon putus dan lain-lain lagi.

Sebenarnya pihak berkuasa sedang menghalusi langkah-langkah darurat yang perlu bagi mengurangkan kebimbangan kesan daripada kejadian gempa bumi dan lain-lain fenomena alam lagi. Sekiranya berlaku gempa bumi di Tokyo hari ini, kita pasti dapat melihat kehilangan nyawa dan kerosakan serta kemusnahan harta benda yang paling dahsyat di bandar yang terdapat keduduk lebih 100 juta itu. Dalam sesuatu bencana alam, jalan-jalan akan terputus kerana keretakan dan terdapat halangan oleh tiang-tiang telefon yang tumbang. Lalulintas akan terhenti, dan jalan-jalan akan dipenuhi kereta-kereta yang ditinggalkan. Dengan ini lumpuhlah pengangkutan darat dan menghalang perjalanan kenderaan untuk kerja-kerja pembaikan.

Semua pihak yang terlibat sebenarnya sudah faham akan masalah ini. Tetapi yang pastinya jika berlaku gempa bumi atau fenomena alam yang lainnya pasti terjadilah huru hara. Apabila masyarakat cuba membina semula kehidupan maka akan lahirlah banyak masalah dan persoalan. Misalnya patutkah keutamaan diberikan kepada bekalan kecemasan mengagihkan air dari tangki trak atau memulihkan kemudahan? Apa yang patut dibuat kepada mereka yang ketiadaan tempat tinggal? Bagaimana mengawal jangkitan penyakit dan lain-lain lagi yang pastinya tidak berpenghujung. Kita perlukan mekanisme yang mujarab dan komprehensif untuk mengimbangkan keperluan-keperluan ini. Satu langkah penting mengenai perkara ini ialah menyediakan buku panduan bencana dan sistem bagi kecemasan di setiap bahagian negeri di Jepun.



Gambaran daripada satelit yang menunjukkan tompokkan awan berserta angin yang diambil beberapa ketika sebelum ribut melanda Jepun.

(sumber: Laporan akhbar , Putera Takamado, Global Forum for Sport and Environment, Tokyo - IOC's World Conference on Sport and Environment, (Nagano: United Nations Environment Programme (UNEP) and the Global Sports Alliance (GSA), Japan 1-4 November 2001).

3.5 Gunung-Ganang

Bentuk muka bumi Jepun yang bergunung-ganang adalah antara aset yang istimewa di Jepun. Dataran tanah pamah hanyalah merangkumi 15% sahaja daripada keseluruhan muka bumi Jepun. Gunung yang pastinya terkenal di Jepun adalah gunung Fuji ataupun disebut juga sebagai Fujiyama dalam bahasa Jepun. Ia merupakan satu


mercu tanda dan dikenali diseluruh dunia sebagai sebuah gunung yang dilitupi oleh salji atau umpama memakai topi putih. Bentuk muka bumi yang bergenung-ganang ini telah menjadikan masyarakat Jepun hidup dengan penuh kesukaran dan kesusahan serta terutama sekali masyarakat yang berada di pinggiran kampung atau hutan pedalaman.

Menurut Masayuki Okita, "Masyarakat dahulu bermula pada zaman Jomon lagi telah melalui kehidupan yang susah. Mereka yang berpusat di kawasan hutan terpaksa mendaki bukit dan gunung-ganang untuk pergi ke sesuatu tempat atau untuk mencari makanan dan bercucuk tanam. Mereka telah terpisah antara satu sama lain tetapi masih bersatu dalam rantaian kepulauan. Mereka masih lagi mengekalkan identiti kepulauan mereka. Ini juga disebut sebagai "shimaguni". Masyarakat ini umumnya berkembang dan berkenalan sesama mereka sahaja. Dalam apa zaman sekalipun, proses asimilasi budaya dan peradaban akan mencetuskan perkara baru dan berkembang terus dari semasa ke semasa. Namun begitu, masyarakat kuno masih lagi mengamalkan endogomi atau konsep pemencilan ras. Ini bermakna adat perkahwinan hanya berlaku sesama ras sahaja. Melalui konsep ini perkahwinan memang diatur untuk pasangan lelaki dan wanita yang terdiri daripada satu rumpun, bangsa, ras atau kelompok dan pulau. Ini dianggap perlu bagi memastikan kesinambungan bangsa mereka melalui perkahwinan endogami. Selama lebih seribu tahun bangsa Jepun telah mengadakan perhubungan semata-mata sesama mereka dalam satu lingkungan unit kenegaraan yang tunggal dan tidak mengalami apa-apa perhubungan dengan dunia luar, meskipun Jepun dikelilingi oleh rantaui yang beraneka ragam. Untuk merealisasikan dan mempertahankan konsep "zokunai-kon" atau "naikon-sei" . satu catatan yang berjudul "Nihon bungka no junsui-sei" atau ketulenan

budaya Jepun telah diperkenalkan⁶⁵. Melalui satu kajian moden didapati orang Jepun tetap bermesra dengan semua orang, semua bangsa dan semua negara. Mereka boleh makan dan bergaul dengan bangsa asing. Mereka sering bertukar tempat kerja dan saling kunjung mengunjung, tetapi apabila untuk mencapai tahap perkahwinan, orang-orang Jepun tetap memilih pasangan mereka yang terdiri daripada ras atau puak yang sama dengan mereka. Dalam erti kata lain keunikan konsep endogami masih dipertahankan walaupun negara Jepun telah menerima berbagai pembaharuan sesuai dengan mentaliti mereka”.⁶⁶

⁶⁵ Tadashi Fukutake, *Nippon No Noson*. (Tokyo: Toyota Faundation, terjemahan : Rural society oleh Enchiro Ishada, 1980), hal. 12.

⁶⁶ E-mail daripada Dr. Masayuki Okita, Pensyarah Fakulti Sociologi, (Kansai: Kansai University) 26/06/2003 dialamat masayuki_fss@Kansaiuniversity.jfk.com



Peta menunjukkan taburan kawasan tanah tinggi atau kawasan
bergunung-ganang di Jepun.
(sumber: www.japan.atlas.jpg.com)

Jadi di sini jelaslah kepada kita bahawa unsur alam semulajadi iaitu gunung ganang telah secara tidak langsung membentuk mereka menjadi masyarakat yang cekal dan tabah dalam mengharungi pelbagai rintangan. Mereka juga biasa melalui perjalanan yang panjang dan memenatkan, lebih-lebih lagi apabila terpaksa mendaki bukit bukau dan gunung ganang untuk sampai ke sesuatu tempat. Ini secara tidak langsung telah

melahirkan satu masyarakat yang hebat dari sudut stamina dan mempunyai semangat yang kental. Mereka kuat dalam menghadapi pelbagai cubaan dan rintangan kehidupan. Ini dapat dilihat aplikasinya dalam kehidupan termasuklah dalam acara sukan. Contohnya bola sepak piala dunia 2002 yang lepas. Skuad Jepun telah menunjukkan kesungguhan dan permainan yang bermutu tinggi hingga berjaya mengalahkan pasukan hebat dan berjaya sampai ke pusingan sukuakhir.

3.6 Negara Empat Musim

Jika anda ingin ke Eropah, tidak salah untuk anda singgah di Jepun. Dari banyak segi Jepun hari ini menyamai masyarakat Eropah sama ada dari segi sosial masyarakatnya, ekonominya mahupun politik termasuklah fenomena empat musimnya. Musim luruh, bunga, panas dan salji merupakan keadaan yang pasti berlaku sepanjang tahun di Jepun. Jadi jika anda bercadang untuk bercuti di Jepun anda seharusnya tahu dan jelas tentang budaya dan iklim di sana.

Menurut Azhar Mad Aros, “Antara musim yang memang amat dinantikan oleh masyarakat Jepun ialah musim luruh. Pada musim ini mereka akan keluar beramai-ramai membawa bekalan makanan dan akan bersantai di bawah pokok ceri atau lebih dikenali sebagai pokok perayaan “*hanami*”. Pokok ceri atau dikenali juga sebagai Sakura akan menggugurkan daun-daunnya pada masa ini dan yang tinggal hanyalah bunga-bunga

yang memang cantik dan menjadikan bandar-bandar di Jepun umpama disirami dengan bunga-bungaan segar”⁶⁷.

Keadaan empat musim ini juga secara tidak langsung telah membentuk masyarakat Jepun yang harmonis dan bersistem serta mempunyai satu perancangan yang teliti dan sempurna sifatnya. Mereka mempunyai sistem terutama sekali dalam aspek ekonomi iaitu pertanian. Mereka tidak menanam padi pada musim sejuk, tetapi bagaimana sumber makanan mereka mencukupi sepanjang tahun. Ini bermakna mereka bijak dalam menguruskan sumber makanan mereka. Ada masanya mereka akan bercucuk tanam seperti jagung, ubi kayu dan lain-lain, ada masanya mereka akan mengerjakan sawah atau ladang kapas dan tebu, ada masanya mereka akan ke hutan berburu binatang dan lain-lain lagi. Tetapi keadaan ini telah berubah, mereka sudah menjadi negara industri, mempunyai syarikat dan kilang yang beroperasi sepanjang tahun tetapi masih mengekalkan disiplin dan sistem yang ketat terhadap pekerjanya. Natijahnya, kita boleh lihat ekonomi Jepun hari ini begitu hebat dan mampu berdiri setaraf dengan negara maju.

Pada tahun 1986, Keluaran Negara Kasar (KNK) untuk setiap penduduknya (perkapita) sudah mencapai angka US\$16,301 iaitu setaraf dengan Amerika Syarikat sebagai sebuah daripada dua negara terkaya di dunia. Angka ini meningkat lebih tinggi lagi pada tahun 1987, sehingga Jepun menjadi negara yang terkaya di dunia pada masa itu. Banyak lagi yang boleh disebut tentang keluarbiasaan Jepun. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain, jurang antara yang kaya dengan yang miskin di Jepun amat

⁶⁷ Temuramah, Azhar Mad Aros, Pensyarah Sejarah Jepun: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 20/06/2003 jam 11.30 pagi.)

kecil sekali. Pendapatan 20% golongan kaya di Jepun hanyalah 2.9 kali ganda berbanding pendapatan golongan miskin. Manakala Amerika Syarikat pula 20% golongan terkaya mempunyai nisbah 9.1 berbanding golongan miskin⁶⁸.

Selain itu terdapat juga kestabilan terutama dari segi jenayah. Keganasan dan kegiatan yang yang tidak sihat sangatlah kurang, kejadian pembunuhan untuk setiap 100,000 adalah hanya satu perlita berbanding dengan Amerika Syarikat empat perlita dan tiga perlita di Eropah. Selain itu polis Jepun juga mencatatkan kadar tangkapan yang tinggi, pertelingkahan antara buruh sangat kurang, kadar kemalangan di sektor industri adalah yang terendah di dunia, perkhidmatan kemudahan awam yang baik dan sebagainya.

Jadi semua ini tidak boleh datang dengan sendirinya, ia perlu kepada satu instrumen yang melonjakannya ke atas hingga mencapai satu peringkat yang membanggakan. Bagi penulis semua unsur alam telah memainkan peranannya yang tersendiri dalam perkembangan tamadun Jepun termasuklah sistem empat musim yang disambut oleh masyarakat Jepun.

⁶⁸ Gen Itagaki, *op.cit.*, hal. 6.